

Lampiran Penerangan Produk – Seksyen B, C and D

Insurans MY Home

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelanggan sekian,

Lampiran Penerangan Produk (Lampiran) ini direka untuk memberi anda dengan beberapa maklumat utama mengenai insurans Simply Home.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya.**

1. Apakah Insurans MY Home ini?

Seksyen B, C dan D bagi insurans MY Home adalah perlindungan pilihan yang boleh dibeli sebagai tambahan kepada Seksyen A Insurans My Home. Perlindungan ini memberikan insurans bagi liabiliti undang-undang kepada pihak ketiga (Seksyen B), kematian akibat kemalangan bagi tertanggung yang dinamakan (Seksyen C) dan barangan berharga di dalam hartanah/rumah anda (Seksyen D).

2. Apakah pilihan tambahan yang tersedia dan apakah perlingungannya?

Sebagai ilustrasi dan berdasarkan jumlah diinsuranskan yang dinyatakan di bawah, premium tahunan serta perlindungan bagi setiap pilihan adalah seperti berikut:

Seksyen	Penerangan Perlindungan	Jumlah Diinsuranskan	Premium Tahunan
B	Untuk Liabiliti Anda		RM35
	Liabiliti undang-undang kepada pihak ketiga bagi kecenderaan badan atau penyakit yang tidak disengajakan dan kerosakan harta benda yang tidak disengajakan di rumah anda	maksimum sehingga RM250,000	
	Kos dan perbelanjaan undang-undang yang diperolehi semula oleh mana-mana pihak yang menuntut terhadap anda		
C	Accidental Death		RM20 / nama diinsuranskan RM30 / nama diinsuranskan
	Nama yang diinsuranskan dilindungi untuk kematian yang disebabkan oleh pencuri, kebakaran, letupan atau banjir di rumah sekiranya kematian berlaku dalam tempoh tiga bulan dari kecederaan di mana rumah tersebut: - dilengkapi dengan system penggera pencuri - tidak dilengkapi dengan system penggera pencuri	sehingga RM100,000	
D	Untuk Berangan Berharga Anda		RM250 / item
	Kehilangan atau kerosakan tidak sengaja pada barangan berharga peribada anda seperti barang kemas dan jam tangan (artikel yang dinyatakan) di rumah anda	Item tunggal* - maksimum sehingga RM10,000 *maksimum 5 item	

Polisi ini **mengecualikan**:

- Mana-mana tuntutan yang dibawa di mana-mana negara melalui mahkamah di luar Malaysia.
- Mana-mana tuntutan oleh ahli keluarga, isi rumah atau individu di bawah perkhidmatan anda.
- Mana-mana tuntutan bagi kecederaan atau kerosakan akibat kerja-kerja pengubahsuaian atau pembaikan pada rumah anda.
- Perlindungan tidak terpakai bagi negara-negara tertentu seperti Rusia, Tibet atau Mongolia.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans Simply Home, sila: Hubungi Kami di: 603-2058 3000

Lawati Kami di: <https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html>

Emel Kami di: Inquiries.MY@chubb.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar bergantung pada polisi insurans ini :	
Perlindungan untuk: Seksyen B: Liabiliti Peribadi	RM35 setahun
Seksyen C: Kematian Akibat Kemalangan (dilengkapi dengan system penggera keselamatan)	RM20 setahun
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem	Tiada
Komisen	15% daripada premium atau RM8.25
Cukai perkhidmatan	8% daripada premium atau RM4.40
Jumlah premium perlu dibayar	RM59.40

4. Terma-terma Lain

- Anda mesti memberikan semua fakta dalam borang permohonan anda dengan lengkap dan tepat.
- Anda harus memastikan harta anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dilakukan pada harta tersebut. Jumlah yang diinsuranskan/dilindungi hendaklah menampung kos pembinaan semula harta tersebut sekiranya berlaku kerugian/kerosakan.
- Sekiranya berlaku tuntutan, anda perlu memaklumkan kami dengan segera secara bertulis tentang sebarang kerugian atau kerosakan dan mengemukakan tuntutan secara bertulis dengan butiran terperinci dan bukti dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas kejadian kehilangan dan kerosakan.
- Sila baca PDS ini bersama-sama dengan PDS bagi Insurans MY Home – Seksyen A

Nota: Senarai di atas **tidak lengkap**. Sila rujuk kepada keterangan polisi untuk senarai terma dan syarat penuh.

5. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan Insurans MY Home anda (secara keseluruhan) pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu selama 14 hari kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapatkan bayaran balik premium jika tiada tuntutan ditanggung sebelum pembatalan.